

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP AMALAN PEMANTAUAN PENILAIAN PENSYARAH BAGI TUGASAN KURSUS SAINS KOMPUTER

¹Jafry Bin Mohd Daud, ²Mohd Ruzman Bin Mat Ali, ³Nazri Bin Bakar & ⁴Nor Hisham Bin Ismail

^{1,2,3,4}Unit Sains Komputer, Kolej Matrikulasi Kelantan, Kementerian Pendidikan Malaysia,
16810 Selising, Pasir Puteh, Kelantan.

¹jafry@kmkt.matrik.edu.my, ²mohd.ruzman@kmkt.matrik.edu.my, ³nazribakar@kmkt.matrik.edu.my,
⁴norhisham@kmkt.matrik.edu.my

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini telah dilaksanakan bagi meninjau persepsi pelajar terhadap amalan pemantauan penilaian tugas sains komputer pelajar yang dilaksanakan oleh pensyarah dan hubungannya dengan skor pencapaian tugas tersebut. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar Modul 2 dan Modul 3 Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Seramai 214 orang pelajar dipilih secara rawak daripada 475 populasi pelajar Kolej Matrikulasi Kelantan yang mengambil Modul 2 dan 3. Item soal selidik dan skor pencapaian tugas pelajar telah digunakan sebagai instrumen utama kajian. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kuantitatif. Dimana amalan pemantauan penilaian pensyarah merupakan pembolehubah bebas dan skor pencapaian tugas pelajar adalah pembolehubah bersandar. Hasil kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap amalan pemantauan penilaian pensyarah bagi tugas Sains Komputer berada pada tahap yang tinggi. Analisis data sekunder juga menunjukkan min skor pencapaian tugas pelajar juga berada pada tahap yang tinggi. Kesimpulannya dapatan kajian menunjukkan terdapat perhubungan yang kuat dan signifikan antara min skor pencapaian tugas kursus sains komputer (SC025) dengan persepsi pelajar terhadap amalan penilaian pensyarah bagi tugas sains komputer (SC025).

Kata kunci: Amalan pemantauan penilaian, persepsi, min skor pencapaian, tugas sains komputer